

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN BIL. 6/1983

PENYELESAIAN TANAH TEROKAAN HARAM

Arahan ini dikeluarkan untuk memberitahu Pemungut-Pemungut Hasil Tanah berhubung dengan 3 perkara yang telah diputuskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan mengenai penyelesaian tanah haram.

2. Majlis Mesyuarat Kerajaan yang telah bersidang pada 9hb.Disember, 1982 telah mengkaji kertas penyelesaian tanah haram atas tanah-tanah Kerajaan yang diteroka sebelum 11hb.Mac, 1978 dan mendapati bahawa angka-angka tanah-tanah Kerajaan yang diperintah secara haram yang diberi oleh Ketua-Ketua Jajahan pada awal tahun 1979 itu adalah tidak berapa tepat. Oleh itu Majlis Mesyuarat Kerajaan telah **mengambil keputusan** bahawa angka-angka ini hendaklah dibentangkan oleh Ketua Jajahan yang berkenaan dalam Jawatankuasa Tanah Jajahan yang berkenaan untuk dibincang dan diubahsuaikan di mana yang perlu.

3. Mengenai Mesyuarat Jawatan Tanah Jajahan, Majlis Mesyuarat Kerajaan telah memerhatikan bahawa kadangkala Jawatankuasa Tanah Jajahan tidak dapat diadakan sekerap yang sepatutnya dan jika diadakan terdapat nama-nama peneroka yang berlarutan yang ditangguh keputusannya. Oleh yang demikian Majlis Mesyuarat Kerajaan **mengambil keputusan** supaya Jawatankuasa Tanah Jajahan hendaklah diadakan sekali sebulan tidak kira samada Ketua Jajahan ataupun semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang berkenaan dapat atau tidak hadir. Mesyuarat hendaklah diadakan dengan ahli-ahli yang dapat hadir, pada tiap tiap bulan. Sebelum mesyuarat diadakan semua nama-nama peneroka yang diperakui hendaklah dikelilingkan dahulu supaya ahli-ahli dapat membuat persedian sebelum mesyuarat. Jika pun ada nama-nama yang ditangguhkan untuk menyiasat oleh ahli-ahli yang berkenaan maka keputusan bolehlah kemudiannya diambil dengan tidak payah menanti mesyuarat yang akan datang.

4. Majlis Mesyuarat Kerajaan mengambil perhatian yang Manifesto Barisan Nasional berhubung dengan perintah haram tanah kerajaan ialah untuk berusaha menyelesaikan masalah tanah haram itu secara memberi milik dengan segera bagi tanah-tanah yang diterokai secara haram sebelum 11hb.Mac, 1978. Sungguhpun begitu Majlis Mesyuarat Kerajaan mengambil keputusan bahawa tanah-tanah yang diperintah secara haram selepas tarikh itu boleh juga diberi pertimbangan dan kes-kes tertentu boleh dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa-Jawatankuasa Tanah Jajahan. Keutamaan untuk menyelesaikan tanah-tanah yang diterokai sebelum atau selepas 11hb.Mac, 1978 akan ditentukan mengikut keadaan oleh Jawatankuasa Tanah Jajahan yang berkenaan.

Saya yang menurut perintah

t.t
(MD.HUSSAIN BIN HASSAN)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN.

Kepada : Semua PHT dan Pen.PHT, Kelantan
Ketua Jajahan Kecil, Jeli

s.k.

1. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan, Kelantan.
2. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
3. YB. Tuan Penasihat Undang-Undang Negeri.
4. Juru Odit Negeri Kelantan.
5. Pengarah Ukur Negeri Kelantan.
6. Pengarah TAKDIR Kelantan.
7. Ketua Rancangan Penyelesaian Tanah Kelantan.
8. Pegawai Tadbir & Pegawai Pasukan Petugas Pejabat PTG

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
KELANTAN.**

KOTA BHARU : **23hb. April, 1983**

No.Fail : PTG/TF/1/2/103